

PROMOSI BIJAK SIMPAN, MENANG BESAR

Dikemas kini pada 12 Julai 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Bijak Simpan, Menang Besar” (“**Promosi**”) Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 15 Julai 2024 dan berakhir pada 30 Jun 2025 (“**Tempoh Promosi**”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai kepada Promosi (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pemegang akaun utama Bank yang baharu dan sedia ada, warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang memegang Akaun Bank (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2 di bawah) (“**Pelanggan**”). Pelanggan Baharu merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai sebarang Akaun Bank sebelum Tempoh Promosi.
2. “**Akaun Bank**” bermaksud akaun semasa atau akaun simpanan utama HLB atau akaun semasa-i atau akaun simpanan-i utama HLISB Pelanggan.
3. Mana-mana Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau tertakluk pada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun dan terma dan syarat yang terpakai untuk Akaun Bank (secara kolektif, “**Terma dan Syarat Terpakai**”), mana-mana undang-undang yang terpakai termasuk Notis Dasar Pertukaran Asing (“**Undang-undang Berkenaan**”) **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dan/atau akan hilang kelayakan serta-merta daripada menyertai Promosi.

MEKANIK PROMOSI

Promosi ini terdiri daripada dua (2) bahagian: Promosi A dan Promosi B

PROMOSI A: PUTAR UNTUK HADIAH YANG DIJAMIN

4. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi A ini, Pelanggan dikehendaki meningkatkan Simpanan Keseluruhan Akaun Bank mereka sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Satu Ribu (**RM1,000**) menjelang akhir bulan berbanding bulan sebelumnya (“**Pelanggan Layak Promosi A**”) semasa Tempoh Promosi untuk memperoleh satu (1) penyertaan dalam permainan dalam talian Putar & Menang.

Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan boleh memperoleh sehingga dua belas (12) penyertaan sepanjang Tempoh Promosi, dihadkan pada satu (1) penyertaan putaran setiap bulan.

5. Pelanggan Layak Promosi A akan menerima kod permainan unik menjelang 10hb bulan berikutnya melalui pemberitahuan dari Aplikasi HLB Connect setelah memenuhi syarat dalam Klausa 4 di atas. Kod ini boleh digunakan di laman mikro Promosi di <https://spin2win.hlb.com.my> untuk memenangi Hadiah Putar & Menang, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.
6. “Simpanan Keseluruhan Akaun Bank” merujuk kepada gabungan jumlah simpanan Pelanggan dalam semua Akaun Bank mereka dengan Bank.

7. Hadiah Putar & Menang adalah seperti berikut:

Jadual 1

Jenis Hadiah	Hadiah Putar & Menang	Bilangan Pemenang Pulangan Tunai Bulanan & Pemenang Cabutan Penyertaan
Pulangan Tunai	Pulangan Tunai RM1,000	2
	Pulangan Tunai RM100	4
	Pulangan Tunai RM50	10
	Pulangan Tunai RM10	210
	Pulangan Tunai RM5	4,000
Cabutan Penyertaan	10 x Penyertaan Bonus Cabutan Besar	1,000
	1 X Penyertaan Bonus Cabutan Besar	100,000
	10x Penyertaan Bonus Cabutan Suku Tahun	12,000
	1x Penyertaan Bonus Cabutan Suku Tahun	Tanpa Had

8. Pemenang Pulangan Tunai akan menerima Pulangan Tunai dalam Akaun Bank mereka dengan baki tertinggi pada akhir bulan berikutnya selepas putaran. Pulangan Tunai yang dikreditkan akan ditunjukkan dalam e-penyata bulanan Pemenang Pulangan Tunai.
9. Pemenang Pulangan Tunai bertanggungjawab untuk menghubungi pihak Bank mengenai sebarang ketidakterimaan Pulangan Tunai dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh putaran. Jika gagal, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan untuk Pulangan Tunai selepas itu tidak akan dilayan.
10. Pemenang Penyertaan Cabutan akan mendapat penyertaan automatik untuk Cabutan Suku Tahun Promosi B dan Cabutan Hadiah Utama yang dinyatakan dalam Jadual 3 dan 4 di bawah, tiada pendaftaran diperlukan.

PROMOSI B: MENANG HADIAH HEBAT DENGAN SIMPANAN

11. Pelanggan yang memenuhi Kriteria Promosi B seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah semasa Tempoh Promosi ("**Pelanggan Layak Promosi B**") akan mendapat penyertaan automatik dan bertanding untuk memenangi Hadiah Suku Tahun dan Hadiah Utama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 dan 4 di bawah.

Jadual 2

Tindakan	Kriteria Promosi B	Kelayakan	Entri
Buka Akaun	<ul style="list-style-type: none"> • Buka Akaun Bank; dan • Buat deposit awal 	Pelanggan Baharu yang tidak mempunyai sebarang Akaun Bank	5
Tingkatkan Simpanan	<ul style="list-style-type: none"> • Tingkatkan Jumlah Simpanan Akaun Bank anda (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 6 di atas) sekurang-kurangnya RM1,000 pada akhir bulan berbanding bulan sebelumnya. • Setiap tambahan RM1,000 layak untuk satu (1) penyertaan. 	Pelanggan baharu dan sedia ada	1

12. Pelanggan Layak Promosi B yang memenuhi Kriteria Promosi B akan memperoleh dan mengumpul penyertaan untuk Cabutan Suku Tahun dan Cabutan Hadiah Utama yang dinyatakan di bawah:

(a) Cabutan Suku Tahun

- (i) Berdasarkan penyertaan yang diperoleh dan terkumpul sepanjang setiap Tempoh Suku Tahun untuk Cabutan Hadiah Suku Tahun.
- (ii) Pelanggan Layak Promosi B hanya boleh memenangi sama ada satu (1) daripada Hadiah Suku Tahun bagi setiap Tempoh Suku Tahun.
- (iii) Hadiah Suku Tahun untuk Cabutan Hadiah Suku Tahun dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Suku Tahun	Tempoh Suku Tahun	Hadiah Suku Tahun	Bilangan Pemenang Hadiah Suku Tahun	Tarikh Pengumuman Pemenang Hadiah Suku Tahun
1	15 Julai 2024 – 30 September 2024	RM25,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	2	25 Oktober 2024
		Apple MacBook	5	
2	1 Oktober 2024 – 31 Disember 2024	RM25,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	2	27 Januari 2025
		TV Pintar Samsung	5	
3	1 Januari 2025 – 31 Mac 2025	RM25,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	2	25 April 2025
		Dyson Vacuum	5	
4	1 April 2025 – 30 Jun 2025	RM25,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	2	25 Julai 2025
		Apple iPhone	5	

(b) Cabutan Hadiah Utama

- (i) Berdasarkan penyertaan yang diperoleh dan terkumpul sepanjang Tempoh Promosi untuk Cabutan Hadiah Utama.
- (ii) Pelanggan Layak Promosi B yang memenangi Hadiah Suku Tahun juga layak untuk Hadiah Utama.
- (iii) Hadiah Utama untuk Cabutan Hadiah Utama dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4

Tempoh Promosi	Hadiah Utama	Pemenang Hadiah Utama #	Tarikh Pengumuman Pemenang Hadiah Utama
15 Julai 2024 – 30 Jun 2025	Hadiah Utama: RM100,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	1	25 Julai 2025
	Hadiah Pertama: RM75,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	2	
	Hadiah Kedua: RM50,000 Harvey Norman <i>Shopping Sweep</i>	3	

Hadiah Suku Tahun dan Hadiah Utama hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai "**Hadiah**".

13. Semua imej Hadiah yang ditunjukkan di laman sesawang Bank di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") atau bahan promosi, iklan, publisiti, dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini hanya untuk tujuan ilustrasi dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah sebenar.

14. Hadiah adalah tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh vendor/pembekal/pemilik jenama (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dan pembekalnya yang diberi kuasa tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti, kerugian dan kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran Hadiah atau sebarang keadaan yang tidak dijangka yang di luar kawalan munasabah Bank dan sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga yang diberi kuasa.

PEMILIHAN & PENGUMUMAN PEMENANG UNTUK PROMOSI B: CABUTAN SUKU TAHUN & CABUTAN UTAMA

15. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
 - (a) Pada penghujung setiap Tempoh Suku Tahun untuk Cabutan Suku Tahun dan pada penghujung Tempoh Promosi untuk Cabutan Utama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 dan 4, setiap penyertaan yang diperolehi akan diberikan nombor rawak dan diletakkan dalam kumpulan pemilihan Hadiah.
 - (b) Sebanyak lima ratus (500) penyertaan untuk Cabutan Suku Tahun dan lima ribu (5,000) penyertaan untuk Cabutan Utama kemudiannya akan dipilih secara rawak daripada kumpulan pemilihan Hadiah ("**Pelanggan Layak Disenarai Pendek**").
 - (c) Pelanggan Layak Disenarai Pendek akan dihubungi oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan diberi soalan berkaitan Bank dan/atau Promosi. Pelanggan Layak Disenarai Pendek dikehendaki membalas SMS dengan jawapan yang betul dalam masa terpanjang.
 - (d) Pelanggan Layak Disenarai Pendek yang menjawab paling cepat dengan jawapan yang betul (dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam SMS) berhak menerima Hadiah ("**Pemenang Hadiah**"). Pelanggan Layak Disenarai Pendek hendaklah menanggung caj telekomunikasi standard yang dikenakan bagi setiap SMS yang dihantar kepada Bank.
 - (e) Sekiranya berlaku seri, iaitu di mana terdapat lebih daripada satu (1) Pelanggan Layak Disenarai Pendek yang telah menjawab dengan betul pada masa yang sama dan akan menjadi Pemenang Hadiah jika bukan kerana seri, Pelanggan Layak Disenarai Pendek dengan Jumlah baki tertinggi bagi baki akhir bulanan dalam Akaun Banknya seperti yang terdapat dalam sistem Bank pada akhir setiap bulan akan menjadi Pemenang Hadiah.
 - (f) Sekiranya tiada Pelanggan Layak Disenarai Pendek menjawab atau menjawab dengan betul, tiada Hadiah akan diberikan untuk Tempoh Suku Tahun dan/atau Tempoh Promosi tersebut.
 - (g) Untuk mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Layak Disenarai Pendek akan berdasarkan nombor mudah alih terkini yang diambil dan terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank. Perkhidmatan SMS untuk Promosi B ini disediakan oleh Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank ("**Infobip**").
16. Senarai Pemenang Hadiah akan diterbitkan di www.hlb.com.my/winbig ("Laman Sesawang Promosi") mengikut Tarikh Pengumuman Pemenang Hadiah Suku Tahun dan Tarikh Pengumuman Pemenang Hadiah Utama seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3 dan 4 di atas. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak Disenarai Pendek untuk menyemak sama ada mereka telah memenangi Hadiah dengan melayari Laman Sesawang Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
17. Pemenang Hadiah akan dihubungi oleh Bank atau pembekal yang dilantik oleh Bank dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari Tarikh Pengumuman Pemenang Hadiah Suku Tahun masing-masing dan Tarikh Pengumuman Pemenang Hadiah Utama untuk pengaturan penghantaran atau pengumpulan Hadiah (dalam Malaysia sahaja). Sekiranya Pemenang Hadiah tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (semasa waktu kerja perniagaan Bank), Bank berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang Hadiah dan akan memilih Pelanggan Layak Disenarai Pendek seterusnya. Pelanggan sebagai Pemenang Hadiah, yang mana akan dipilih mengikut budi bicara mutlak Bank.
18. Hadiah tidak boleh ditukar dan/atau dipindah milik. Sekiranya Pemenang Hadiah memilih untuk tidak menerima Hadiah setelah dimaklumkan oleh Bank apabila dikehendaki berbuat demikian akan dianggap sebagai penolakan oleh Pemenang Hadiah tersebut dan tiada penggantian atau pertukaran Hadiah akan dilayan. Bank berhak untuk menganugerahkan Hadiah tersebut kepada Pemenang Hadiah yang lain.

Sebarang pembatalan dan/atau permintaan bayaran balik sebaik sahaja penebusan Hadiah telah disahkan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

19. Sekiranya Bank mengadakan majlis penyampaian hadiah, Pemenang Hadiah dikehendaki hadir dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri untuk mengambil Hadiah. Sekiranya Pemenang Hadiah tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah, Pemenang Hadiah boleh mencalonkan wakil untuk hadir pada majlis penyampaian hadiah untuk menerima Hadiah bagi pihaknya. Wakil akan dikehendaki mengemukakan kebenaran bertulis daripada Pemenang Hadiah dan salinan kad pengenalan Pemenang Hadiah (depan dan belakang) sebagai pengesahan sokongan.
20. Bank tidak memberikan perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah yang hilang, dicuri, atau rosak. Pemenang Hadiah perlu, atas kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan secara langsung dengan pembekal-pembekal bagi sebarang aduan, pertikaian, atau tuntutan berkaitan dengan Hadiah tanpa merujuk kepada Bank.

PELAKSANAAN HADIAH UNTUK PROMOSI B – HADIAH SUKU TAHUN DAN HADIAH UTAMA

21. Pemenang Hadiah Suku Tahun dan Pemenang Hadiah Utama Harvey Norman *Shopping Sweep* yang dihubungi oleh Bank tetapi tidak menerima Hadiah Suku Tahun atau butiran Harvey Norman *Shopping Sweep* di bawah Hadiah Suku Tahun dan/atau Hadiah Utama dalam masa tiga puluh (30) hari selepas dihubungi oleh Bank dikehendaki mengemukakan pertanyaan kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melayan sebarang pertanyaan sekiranya Pemenang Hadiah Suku Tahun atau Pemenang Hadiah Utama mengemukakan pertanyaan itu selepas enam puluh (60) hari dari tarikh Bank menghubungi mereka.

PELAKSANAAN HADIAH – HARVEY NORMAN SHOPPING SWEEP

22. Harvey Norman *Shopping Sweep* akan diadakan pada tarikh dan lokasi yang ditentukan oleh Bank (akan disahkan lebih lanjut).
23. Semua kos, yuran, dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemenang *Shopping Sweep* berkaitan dengan Promosi B dan/atau tuntutan Harvey Norman *Shopping Sweep*, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makanan, kos peribadi dan/atau kos lain, adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang *Shopping Sweep*.
24. Jika Pemenang *Shopping Sweep* tidak dapat menghadiri Hari Harvey Norman *Shopping Sweep*, dia akan Pemenang tersebut akan hilang kelayakan secara automatik dan tiada pampasan atau pengaturan akan dibuat selepas Hari Harvey Norman *Shopping Sweep*.
25. Berikut adalah syarat-syarat yang berkenaan dengan Hari Harvey Norman *Shopping Sweep*.
 - (a) Setiap Pemenang *Shopping Sweep* akan diberikan satu (1) troli beli-belah untuk memilih sebanyak barang dalam jangka masa yang ditetapkan.
 - (b) Harvey Norman *Shopping Sweep* akan bermula dan berakhir dengan bunyi hon. Setelah mendengar hon terakhir, semua Pemenang *Shopping Sweep* harus kembali ke kaunter pembayaran. Sebarang item yang diambil selepas bunyi hon akan dikeluarkan dari troli beli-belah.
 - (c) Jika jumlah kos barang beli-belah yang dipilih ("**Jumlah Keseluruhan**") melebihi jumlah yang ditetapkan bagi Harvey Norman *Shopping Sweep* seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 dan/atau Jadual 4 di atas ("**Jumlah Hadiah**"), Pemenang *Shopping Sweep* mempunyai pilihan untuk membayar perbezaan antara Jumlah Keseluruhan dan Jumlah Hadiah atau mengeluarkan barang yang dipilih dari troli beli-belah untuk sepadan dengan Jumlah Hadiah. Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar perbezaan antara Jumlah Keseluruhan dan Jumlah Hadiah.
 - (d) Semua Pemenang *Shopping Sweep* diharap mengamalkan kecekapan dan tanggungjawab penuh ketika mengendalikan troli beli-belah semasa Harvey Norman *Shopping Sweep*.
 - (e) Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan yang dialami oleh Pemenang *Shopping Sweep* akibat penyertaan dalam Promosi B dan/atau penggunaan barang yang dibeli dari Harvey Norman.

- (f) Sebarang pertikaian berkenaan kualiti atau jaminan barang yang dibeli atau terma dan syarat yang berkaitan akan diselesaikan secara langsung oleh Pemenang *Shopping Sweep* dengan pembekal yang diberi kuasa, Elitetrax Marketing Sdn Bhd, tanpa meminta bantuan Bank. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang pelanggaran kualiti atau jaminan barang yang dibeli atau terma dan syarat yang berkaitan.
26. Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Tempoh Suku Tahunan, Hadiah, Hadiah Putar & Menang, Kriteria Promosi dan/atau kriteria/keperluan lain bagi Promosi ini dengan memberi notis terlebih dahulu dengan memaparkan perubahan T&S di Laman Sesawang Promosi atau cara lain yang Bank anggap praktikal, dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan.
27. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan yang ditanggung semasa penyertaan dalam Promosi ini dan/atau penebusan Hadiah Putar & Menang dan Hadiah adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Pulangan Tunai, Pemenang Cabutan Kemasukan dan Pemenang Hadiah (secara kolektif, "**Pemenang**").
28. Pemenang hendaklah menanggung liabiliti dan tanggungjawab penuh sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) akibat daripada penyertaan mereka dalam Promosi, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah Putar & Menang, Hadiah Suku Tahun dan/atau Hadiah Utama dan bersetuju untuk melepaskan Bank tanpa sebarang liabiliti.
29. Bank berhak untuk menggunakan nama dan/atau gambar Pemenang sebagai bahan untuk tujuan publisiti, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Pemenang. Pemenang tidak berhak untuk menuntut hak milik atau apa bentuk pampasan lain bagi bahan tersebut

UMUM

30. Dengan menyertai promosi ini, Pelanggan:
- mengesahkan bahawa telah membaca, memahami, menerima, dan bersetuju untuk terikat oleh Terma dan Syarat Terpakai dan Undang-Undang Berkenaan;
 - bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah tepat, muktamad, dan mengikat semua Pelanggan;
 - bersetuju untuk mengakses Laman Sesawang Promosi secara berkala untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa mengemas kini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - bersetuju bahawa Hadiah Putar & Menang dan Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek, atau manfaat dalam bentuk lain; dan
 - bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah Undang-Undang Berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
31. Bank berhak:
- dengan memberi notis awal kepada Pelanggan, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang disenaraikan di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau untuk menamatkan Promosi, dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Sesawang Bank; dan
 - untuk membatalkan dan mencabut semula mana-mana Hadiah Putar & Menang dan/atau Hadiah yang dibayar/dikreditkan/ditebus sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Promosi ini dan/atau Terma dan Syarat Terpakai.
32. Selain daripada T&S yang dinyatakan di sini, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat Terpakai harus dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai satu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat percanggahan, T&S ini akan diguna pakai untuk percanggahan tersebut
33. Jika terdapat percanggahan antara T&S yang dinyatakan di sini dan sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti, dan lain-lain yang berkaitan dengan Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
34. T&S Promosi ini akan diatur dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

35. Kata-kata yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan kata-kata yang merujuk kepada bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya.

Produk Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Ahli PIDM. Akaun Bank dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Terma dan Syarat ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.